


Perutusan Pengerusi



“ Kami terus menyampaikan agenda kemampanan kami dan memperkenalkan pelbagai inovasi untuk memenuhi keperluan para pelabur.

”

Para Pemegang Saham yang dihormati,

Bursa Malaysia terus kekal sebagai tonggak kepada pasaran modal Malaysia pada 2021 walaupun hampir keseluruhan ekosistem terus terjejas oleh gelombang ketidakpastian.

Pasang surut kes COVID-19 telah menjejaskan usaha pemulihan ekonomi dan menyebabkan ketidaktentuan yang lebih tinggi dalam pasaran. Meskipun petunjuk ekonomi dilihat pulih secara beransur-ansur menjelang akhir tahun, prospek terus tidak menentu untuk sebahagian besar tahun 2021.

Seperti mana yang berlaku pada 2020, Bursa Malaysia bertindak terhadap cabaran yang dihadapi pada 2021 dengan memperkukuhkan usaha kami bagi memastikan kesinambungan dalam operasi dan sokongan yang mencukupi kepada peserta pasaran. Di samping itu, kami terus melaksanakan agenda kemampanan kami dan memperkenalkan pelbagai pembaharuan bagi memenuhi keperluan para pelabur. Saya berbesar hati kerana usaha ini telah mendapat pengiktirafan menerusi beberapa anugerah yang diterima oleh Bursa Malaysia pada tahun 2021; khususnya, Bursa Terbaik di Majlis Anugerah 'Regulation Asia Awards for Excellence 2021'.

Tan Sri Abdul Wahid Omar

Pengerusi


Perutusan Pengerusi

“ Bursa Malaysia terus memastikan pasaran mudah diakses, adil dan teratur walaupun berdepan dengan ketidaktentuan pasaran yang tinggi. ”

PERSEKITARAN OPERASI MAKRO

Walaupun penularan wabak COVID-19 bertambah buruk pada tahun 2021, momentum pertumbuhan global walau bagaimanapun semakin memberangsangkan berbanding pada tahun sebelumnya. Ini digambarkan oleh anggaran pertumbuhan global oleh Bank Dunia yang mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 5.5% bagi tahun 2021 selepas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global menguncup sebanyak 3.4% pada 2020. Walaupun ini merupakan kadar pertumbuhan terpanjang selepas kemelesetan dalam tempoh 80 tahun, Bank Dunia memberi amaran bahawa pemulihan adalah tidak menentu. Negara-negara yang telah melaksanakan sokongan fiskal yang besar dan kempen vaksinasi yang agresif lebih berkemungkinan untuk menyaksikan pemulihan yang lebih cepat, manakala negara lain, terutamanya negara yang berpendapatan rendah yang sebahagian besar penduduknya masih belum divaksinasi, dijangka akan ketinggalan.

Di Malaysia, pertumbuhan KDNK pada suku ketiga menguncup sebanyak 4.5% tahun-ke-tahun berikutan sekatan pergerakan di seluruh negara yang bertujuan untuk membendung peningkatan semula kes COVID-19. Namun begitu, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.1% secara keseluruhan pada 2021, pulih daripada penguncupan sebanyak 5.6% pada tahun sebelumnya. Pemulihan kepada pertumbuhan positif adalah disebabkan oleh tiga faktor utama:



Pemintaan luar yang kukuh yang dipacu oleh peningkatan trend pendigitalan global, serta pemulihan dalam pertumbuhan global terutamanya di kalangan rakan dagangan utama kita.



Kadar vaksinasi yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia membolehkan kelonggaran ke atas sekatan pergerakan secara beransur-ansur.



Penyampaian polisi yang berterusan untuk menyokong perniagaan dan isi rumah, termasuk pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion dan juga belanjawan baharu.

Bank Negara Malaysia juga mengekalkan penanda aras iaitu Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras terendah sebanyak 1.75% sepanjang 2021 untuk menggalak dan merangsang perkembangan ekonomi.

Tinjauan Pasaran Modal Malaysia

Bursa Malaysia terus memastikan pasaran mudah diakses, adil dan teratur walaupun berdepan dengan ketidaktentuan pasaran yang tinggi. Dari segi prestasi pasaran, penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI jatuh 3.7% pada 2021, ketinggalan berbanding indeks-indeks utama lain di rantau ini. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa indeks penanda aras Bursa Malaysia mengakhiri tahun 2020 sebagai indeks paling berdaya tahan di kalangan bursa utama ASEAN, justeru memulakan tahun dalam tinjauan pada tahap yang lebih tinggi.

Dalam konteks inilah maka Bursa Malaysia menyaksikan pelabur asing kembali ke pasaran, yang merupakan pembeli bersih selama empat bulan berturut-turut dari Ogos hingga November 2021. Secara keseluruhan, sehingga akhir tahun 2021, nilai pegangan saham asing kekal stabil pada tahap 20.4% daripada permodalan pasaran (2020: 20.7%).

Penyertaan pelabur runcit dalam pasaran terus kukuh pada 2021, meneruskan lonjakan aktiviti dagangan mereka dari tahun sebelumnya. Pelabur runcit telah menyumbang sebanyak 38% daripada jumlah nilai purata harian yang didagangkan (ADV) pada 2020 dan 2021, yang merupakan peningkatan ketara ADV runcit berbanding sebelum pandemik COVID-19. Tahap penyertaan pelabur runcit yang tinggi sejak pandemik COVID-19 menunjukkan tanda positif kepada kami terutamanya dalam memastikan kerancakan pasaran pada masa hadapan.

Sementara itu, hampir dua pertiga daripada jumlah akaun baharu pada 2021 dibuka oleh golongan milenial, menunjukkan daya tarikan yang semakin meningkat dalam kalangan pelabur generasi muda. Peningkatan nilai dagangan dalam talian, yang merangkumi 52% daripada jumlah keseluruhan nilai dagangan, merupakan satu lagi petunjuk bahawa kami telah mencatat kemajuan dalam inisiatif strategik kami untuk mengukuhkan daya tahan pasaran.

MATLAMAT KAMI SEBAGAI SEBUAH BURSA

Ketika pandemik COVID-19 memasuki tahun kedua, Bursa Malaysia sedar bahawa kami perlu bersedia untuk menghadapi persekitaran operasi yang sukar. Sebagai langkah tindak balas, kami telah memperhalusi matlamat dan aturan tumpuan kami bagi memastikan pelaksanaan peranan kami tidak terjejas.

Perutusan Pengerusi

Selaku pengawal selia barisan hadapan, kami memainkan peranan penting untuk mengekalkan kestabilan pasaran

Pada 2021, Bursa Malaysia telah mempertingkatkan struktur tadbir urus melalui pelbagai perubahan pada bidang tugas dan komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, termasuk penubuhan Jawatankuasa Kemampanan dan Pembangunan yang baharu

Kami telah menerbitkan edisi ke-4 Panduan Tadbir Urus Korporat pada Disember 2021

Bursa Malaysia memainkan peranan dalam memperkasakan kitaran utama dan bermanfaat kepada ekonomi dengan bertindak sebagai platform yang efektif untuk penjana modal. Peranan ini jelas dilihat pada 2021 apabila kami membantu 30 syarikat mengumpul sebanyak RM2.7 bilion melalui tawaran awam awal manakala 256 syarikat lagi mengumpul sebanyak RM14.3 bilion melalui pengumpulan dana di pasaran sekunder. Modal yang dikumpulkan melalui platform kami adalah penting dalam memastikan pemulihan ekonomi negara berada pada landasan yang betul dengan pengumpulan dana yang diperlukan oleh syarikat-syarikat di Malaysia untuk berkembang dan terus bertahan di samping memastikan rakyat Malaysia dapat terus bekerja.

Sebagai rakan kongsi yang dipercayai untuk menjaga kekayaan, kami kekal sebagai destinasi pelaburan yang relevan dan penting bagi pelabur. Rangkaian produk kami telah menjadi aset pelaburan penting untuk melindungi dan mengembangkan kekayaan pelabur pada persekitaran kadar faedah semasa yang rendah. Pada masa yang sama, tahap penyertaan pelabur runcit tetap tinggi, meskipun wujud platform teknologi kewangan alternatif yang lain, membuktikan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap Bursa Malaysia.

Akhir sekali, sebagai pengawal selia barisan hadapan, kami memainkan peranan utama dalam mengekalkan kestabilan pasaran. Pandemik COVID-19 telah membawa risiko baharu dan meningkatkan risiko sedia ada, dan kita harus kekal tangkas dalam mencari penyelesaian baharu untuk menanganinya. Sebagai contoh, dengan peningkatan bilangan pelabur runcit, kami telah meningkatkan cara penyampaian pendidikan pelabur bagi memastikan pelabur kami memperoleh maklumat yang diperlukan bagi membuat keputusan pelaburan yang berinformasi. Kami akan terus mengambil langkah proaktif dan reaktif sebagai pengawal selia untuk mengurangkan sebarang kemungkinan akibat pandemik ini. Kami menjalankan peranan ini melalui kerjasama erat dengan pihak berkepentingan kami dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk memastikan bahawa peraturan dalam pasaran adalah sejajar dengan matlamat kami setelah mengambil kira keadaan pasaran semasa.

Peranan yang kami mainkan sebagai sebuah Bursa lebih jelas tertera dalam pernyataan visi kami, *'To be ASEAN's leading, sustainable and globally-connected marketplace'*. Visi ini bukan sahaja satu pernyataan hasrat malah ia juga merangkumi komitmen kami kepada pihak berkepentingan dalam mewujudkan peluang dan meningkatkan nilai untuk mereka.

KEUTAMAAN KEPADA KEMAMPANAN

Kemampanan terus menjadi salah satu prinsip asas yang merangkumi semua usaha kami dalam membina daya tahan pasaran modal. Matlamat kami dalam hal ini dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju Kemampanan 2021-2023 kami, yang komprehensif dan bukan sahaja merangkumi matlamat yang telah kami tetapkan untuk organisasi kami sebagai Bursa, malah juga kepada syarikat-syarikat awam tersenarai (PLC) kami dan keseluruhan pasaran.

Bagi memastikan piawaian kemampanan pasaran kami setanding dengan amalan terbaik di peringkat

antarabangsa, kami sentiasa mencari kaedah untuk mengintegrasikan lagi kemampanan dalam penawaran pasaran kami. Pada 2021, kami telah membangunkan Rangka Kerja Kecekapan Pengamal Kemampanan Korporat bersama dengan Global Compact Network Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia & Brunei, untuk menyokong pembangunan pengamal dan profesional yang terlibat dalam bidang kemampanan korporat di Malaysia. Rangka kerja ini direkabentuk untuk membangunkan peranan kecekapan utama yang diperlukan oleh pelaksana kemampanan korporat dalam organisasi dan seterusnya memacu peralihan syarikat-syarikat ini ke arah asas-asas yang lebih mampan.

Bursa Malaysia berbangga kerana menjadi antara yang pertama di Malaysia yang lantang menggesa PLC di Malaysia untuk lebih bertanggungjawab dalam usah-usaha mempertingkatkan amalan dan penzahiran kemampanan mereka. Hasil daripada pelbagai inisiatif kami, bilangan PLC yang tersenarai dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia – indeks yang mengiktiraf syarikat-syarikat yang mempunyai amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) yang kukuh – telah meningkat kepada 80 PLC pada akhir 2021 berbanding 75 pada tahun 2020.

Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat (CG) merupakan amalan dan komitmen yang amat dititikberatkan dalam organisasi kami dan keseluruhan pasaran. Sehubungan itu, kami mendukung dan mengamalkan piawaian CG yang tertinggi dalam organisasi kami di samping mengharapkan perkara yang sama daripada semua PLC. Kami percaya, ini adalah perlu dalam mencapai matlamat kami untuk membangunkan pasaran yang lebih menarik dan mampan.

Pada April 2021, SC telah menyemak semula Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang memperkenalkan amalan terbaik baharu dan panduan selanjutnya bagi mengukuhkan budaya CG PLC. Selaras dengan MCCG yang disemak semula tersebut, sebagai sebuah syarikat tersenarai, Bursa Malaysia pada 2021 telah mempertingkatkan struktur tadbir urusnya melalui pelbagai perubahan pada bidang tugas dan komposisi Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah, termasuk penubuhan Jawatankuasa Kemampanan dan Pembangunan yang baharu. Ahli jawatankuasa baharu juga telah ditambah untuk memberi nafas baharu dan meningkatkan kepelbagaian perspektif Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan.

Bagi pasaran di Malaysia, kami telah mengeluarkan edisi ke-4 Panduan Tadbir Urus Korporat pada Disember 2021 untuk memberi panduan yang menyeluruh dan praktikal kepada PLC kami dalam mematuhi MCCG yang disemak semula dan selaras dengan keperluan penzahiran di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Kami percaya langkah-langkah ini akan menggalakkan peningkatan amalan CG dalam pasaran modal.

Perubahan Cuaca Menjadi Tumpuan Utama

Peristiwa banjir besar di Semenanjung Malaysia pada Disember 2021 mengingatkan kami akan kesan buruk yang disebabkan oleh cuaca melampau berikutan

Perutusan Pengerusi



Bursa Malaysia telah berikrar untuk menjadi neutral karbon menjelang 2022 dan mencapai tahap sifar bagi pelepasan gas rumah hijau dalam seluruh operasi kami menjelang 2050.

perubahan iklim. Kehilangan nyawa dan harta benda akibat kegagalan dalam memastikan kelestarian dalam tindak-tanduk kita amat dikesali dan yang paling membimbangkan ialah kekerapan perubahan iklim yang melampau. Dalam kebelakangan ini, malapetaka seperti kebakaran hutan, hujan ribut dan banjir lebih kerap berlaku di seluruh dunia.

Kemudaratan perubahan iklim amat berkait rapat dengan kelestarian dan ini mengingatkan akan kesan buruk yang boleh membawa kehilangan nyawa jika kita gagal dalam melestarikan segala tindakan kita. Perubahan iklim nyata mengancam planet dan masyarakat. Dengan itu, semua harus memastikan perubahan yang sistematik untuk menangani kesan dari malapetaka yang disebabkan oleh perubahan iklim.

Pada tahun 2021, negara-negara di seluruh dunia telah membuat ikrar baharu untuk mengurangkan pelepasan gas, dan mencari penyelesaian baharu, seperti perdagangan karbon, sebagai penyelesaian sebenar di peringkat global untuk menangani krisis ini. Di peringkat domestik, Malaysia telah berikrar untuk menjadi negara sifar bersih pelepasan gas rumah hijau seawal 2050, dan secara beransur-ansur menghentikan penggunaan arang batu dalam penjana tenaga. Keutamaan-keutamaan ini telah dimasukkan ke dalam inisiatif Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025 (RMK-12) dan Bajet 2022, bagi kesediaan kami untuk mengambil tindakan segera ke atas isu ini.

Bursa Malaysia menyokong penuh inisiatif ini dan juga telah berikrar untuk menjadi neutral karbon menjelang 2022 dan mencapai sifar bersih dalam pelepasan gas rumah hijau dalam keseluruhan operasi kami menjelang 2050. Tambahan lagi, kedudukan unik Bursa Malaysia sebagai bursa nasional bermakna kami berpeluang untuk menyumbang kepada aspirasi iklim negara. Pada September 2021, Kementerian Alam Sekitar dan Air mengumumkan bahawa Bursa Malaysia telah diamanahkan untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi mewujudkan platform pasaran karbon sukarela (VCM) untuk negara. Inisiatif ini amat bermakna kerana kami komited untuk memacu dan memudahkan masa hadapan rendah karbon.

Kami akan berusaha membangunkan ekosistem dan infrastruktur pada tahun-tahun akan datang bagi memastikan VCM memenuhi keperluan pasaran di samping kekal berdaya saing dan berdaya maju, dan menyokong tindakan perubahan iklim negara ke arah mencapai masa depan yang lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Bursa Malaysia juga akan meneliti penyepaduan prinsip-prinsip Syariah ke dalam platform dan agenda perubahan iklim kami. Aspirasi kami adalah untuk menjadi peneraju pemikiran Islam dalam bidang ini dan kami akan bekerjasama rapat dengan para pakar Syariah untuk membangunkan produk kredit karbon patuh Syariah sambil mengukuhkan lagi kedudukan kepimpinan Malaysia dalam bidang ini.

MELANGKAH KE HADAPAN

Tahun hadapan menjanjikan sesuatu yang menarik, meskipun mencabar. Walaupun ketidakpastian pasaran akan kekal berada di luar kawalan kami, keutamaan kami pada tahun akan datang adalah untuk meningkatkan daya saing pasaran Bursa Malaysia dan mengembangkan peranan kami dalam pembangunan negara di samping melaksanakan pelbagai inisiatif yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Strategik Bursa Malaysia 2021-2023. Ini adalah penting dalam usaha dan aspirasi kami untuk menjadi bursa pelbagai aset, yang merupakan langkah seterusnya dalam pelan strategik kami.

Selain VCM, Bursa Malaysia akan menumpukan usaha pelaksanaan Program Transformasi PLC (PLCT), yang telah diamanahkan kepada kami oleh Kementerian Kewangan. PLCT bermatlamat untuk memupuk pertumbuhan korporat Malaysia dan mewujudkan pasaran yang lebih menarik untuk pelabur domestik dan asing. Sebagai langkah pertama, Bursa Malaysia akan menerbitkan lima buku panduan digital pada 2022 untuk PLC kami. Buku panduan ini boleh digunakan oleh semua PLC tanpa mengira saiz dan akan memberi panduan kepada PLC ke arah meningkatkan prestasi dan menjadi lebih menarik kepada pelabur di peringkat global. Saya menyeru semua pemimpin PLC dan penggiat industri agar mengambil bahagian dalam PLCT dengan menyambut baik matlamat program dan mengambil tindakan untuk meningkatkan tahap prestasi demi manfaat syarikat dan negara.

Dari segi prospek ekonomi Malaysia, Kerajaan Malaysia telah memaklumkan bahawa KDNK akan berkembang di antara 5.5% dan 6.5% apabila pemulihan menampilkan hasil. Pertumbuhan akan dipacu oleh RMK12 di mana lebih RM400 bilion telah diperuntukkan untuk membiayai projek-projek, menjadikannya peruntukan perbelanjaan pembangunan terbesar dalam sejarah negara. Peruntukan terbesar sebanyak RM332.1 bilion juga diumumkan dalam Bajet 2022 untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, menjadikan perniagaan lebih berdaya tahan dan membangunkan ekonomi yang makmur dan mampan. Secara kolektif, peruntukan ini akan merangsang permintaan sektor swasta, yang akan menjadi pendorong untuk memacu pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun yang akan datang.

PENGHARGAAN

Saya berasa bertuah kerana telah diberi penghormatan untuk mempengerusikan Bursa Malaysia sepanjang tahun lalu. Tanggungjawab ini mustahil untuk saya pikul tanpa sokongan dan kerjasama ahli-ahli Lembaga Pengarah, dan dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan input mereka pada tahun 2021. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Puan Uji Sherina yang telah bersara sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 31 Disember 2021 dan kepada Datuk Karunakaran yang akan bersara daripada Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang di atas kepimpinan dan sumbangan besar mereka kepada Lembaga Pengarah dan Bursa Malaysia selama ini. Selamat maju jaya diucapkan kepada mereka berdua. Saya turut mengalu-alukan ahli Lembaga Pengarah yang baharu iaitu Datin Azlina Mahmud yang menyertai Lembaga Pengarah pada bulan Mac 2021.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham di atas sokongan mereka, dan kepada pihak Pengurusan dan kakitangan Bursa Malaysia atas usaha gigih dan dedikasi mereka untuk mengekalkan daya tahan pasaran dalam persekitaran operasi yang mencabar. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada para pengawal selia dan penggubal dasar yang akomodatif dan cekap dengan mengambil kira keadaan pasaran yang dihadapi masa kini.

Terima kasih.

Tan Sri Abdul Wahid Omar
Pengerusi